

PENULARAN WABAK ANJING GILA

Jangkiti haiwan peliharaan

» **Pemilik diminta ambil suntikan vaksin di klinik**

Oleh Haika Khazi dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

► Alor Setar

Kes penyakit anjing gila atau rabbies yang dilaporkan berlaku di Kedah bukan sahaja berpunca daripada anjing liar, namun ia turut membabitkan anjing peliharaan.

Perkara itu disahkan Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Hal Ehwal Masyarakat Cina dan India, Kesihatan dan Perpaduan, Datuk Dr Leong Yong Kong yang turut melaporkan terdapat sembilan kes gigitan anjing dalam tempoh tujuh hari, sejak 10 September hingga Khamis lalu di negeri ini.

Beliau berkata, daripada sembilan kes, empat dicatatkan berlaku di Kubang Pasu, masing-masing dua di Langkawi dan Kulim serta satu di Kota Setar.



Pegawai Veterinar, Dr Noraini Ahmad menyuntik vaksin pada anjing peliharaan di klinik haiwan Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang di Bukit Mertajam. [FOTO DANIAL SAAD/BH]

Pada masa sama, katanya, lima anjing dikesan positif rabbies membabitkan empat anjing liar dari Kubang Pasu dan seekor anjing peliharaan di Kota Setar.

Maklumat terhad

"Maklumat saya peroleh adalah terhad, namun saya diberitahu yang lima anjing itu sudah diperiksa sampel otaknya, sekali gus disahkan mempunyai jangkitan penyakit rabbies.

"Sehingga kini, saya difahamkan semua anjing terbahit

pemilik anjing di kawasan jangkitan wabak anjing gila Perlis, Kedah dan Pulau Pinang memberikan suntikan vaksin kepada binatang peliharaan di klinik haiwan berhampiran.

Langkah berjaga-jaga

Beliau berkata, tindakan ini sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak penularan wabak terbahit dalam kalangan anjing peliharaan dan manusia di negeri terbahit.

Katanya, orang ramai juga perlu lebih berhati-hati apabila terserempak dengan anjing liar ketika berada di luar rumah bagi mengelak penularan penyakit itu.

"Kita mesti berhati-hati melihat anjing yang tidak bertuan di luar sana kerana kita tidak tahu apa yang berlaku kepada binatang terbahit.

"Sekiranya digigit anjing liar, orang ramai perlu cepat mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berhampiran berikutan tempoh inkubasi wabak itu ialah sehingga enam bulan," katanya selepas meninjau Projek Fertigasi Agropreneur Muda di Taman Ke-Pengeluaran Makanan di Kompleks Jabatan Pertanian dan Serng, di sini, semalam.

sudah diberikan rawatan dan perhatian sepenuhnya," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, sumber Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah memberitahu operasi mengesan anjing sudah dijalankan, namun butiran lanjut hanya akan dimaklumkan menerusi sidang media di Pokok Sena, dekat sini, hari ini.

Di Kuala Lumpur, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, meminta semua